

SULIT



**JABATAN PELAJARAN
NEGERI JOHOR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010
EKONOMI ASAS**

3757/1

**Kertas 1
Sept. / Okt.
1 ¼ jam**

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

- 1 Kajian ekonomi bertujuan untuk mengkaji bagaimana manusia menggunakan
- sumber yang terhad berbanding kehendak manusia yang tidak terhad
 - sumber yang terhad dan kehendak yang terhad
 - sumber yang tidak terhad berbanding kehendak manusia yang terhad
 - sumber yang tidak terhad dan kehendak yang tidak terhad


- 2 Maklumat berkaitan dengan masalah ekonomi

Kompleks Sukan merupakan barang kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan kerana memilih pembinaan sekolah menengah

Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan unit ekonomi di bawah

- Pilihan oleh firma
- Kos lepas oleh kerajaan
- Kos lepas oleh firma
- pilihan oleh kerajaan

- 3 Antara yang berikut, yang manakah barang awam



- 4 Berikut adalah petikan tentang masalah asas ekonomi

Encik Haikal Zubir seorang usahawan burger. Beliau bercadang untuk mengeksport 4 juta keping burger halal berjenama QISTINA ke Jepun khususnya kepada masyarakat Jepun yang beragama Islam.

Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan oleh Encik Haikal ?

- Apa jenis barang yang ingin dikeluarkan
 - Berapa kuantiti barang yang ingin dikeluarkan
 - Bagaimana untuk mengeluarkan barang tersebut
 - Untuk siapa hendak dikeluarkan
- 5 Kerajaan Malaysia telah campur tangan dalam aktiviti ekonomi dengan mengenakan cukai dan memberi subsidi.
- Apakah tujuan kerajaan mengenakan cukai dan memberi subsidi?
- Menyelesaikan masalah pengeluaran barangan
 - Menyelesaikan masalah ketidakadilan dalam agihan pendapatan
 - Meningkatkan keuntungan kepada firma-firma yang beroperasi
 - Meningkatkan kepuasan dalam penggunaan sesuatu barang

- 6

Kemelesetan ekonomi menyebabkan kadar pengangguran yang tinggi dan peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan Encik Ruzaini seorang graduan kejuruteraan dari Universiti Teknologi Malaysia telah memilih pekerjaan sebagai pegawai insurans di Syarikat Takaful Nasional Berhad.

Antara yang berikut, yang manakah faktor yang mempengaruhi beliau memilih pekerjaan tersebut?

- Pengaruh keluarga
- Kelayakan akademik
- Suasana tempat kerja
- Kedadaan ekonomi semasa

- 7 Jadual 1 berikut menunjukkan pendapatan Puan Yati dan harga purata barang pada bulan Februari dan Ogos tahun 2009.

Bulan	Pendapatan (RM)	Harga purata barang (RM)
Februari	2 120	106
Ogos	2 725	109

Berapakah upah benar Puan Yati pada bulan Februari dan Ogos ?

	Upah benar (Februari) unit	Upah benar (Ogos) unit
A	20	25
B	25	20
C	12.8	10.2
D	10.2	12

- 8 Berikut ialah maklumat mengenai kewangan Cik Madihah pada bulan Disember

Perkara	RM
Gaji	1 700
Komisen	350
Perkeso	8.50
KWSP	187
Bayaran ansuran pinjaman kenderaan	350

Hitung pendapatan boleh guna Cik Madihah pada bulan tersebut

- A RM 1 154.50
 B RM 1 466.00
 C RM 1 504.50
 D RM 1 854.50
- 9 Pendapatan bulanan Encik Bohari adalah sebanyak RM 6 000. Beliau membelanjakan RM 3 000 dan menyimpan RM 1 500 di bank perdagangan. Bakinya diberi kepada isterinya untuk perbelanjaan keluarga. Wang yang diberikan kepada isterinya dikenali sebagai
- A Upah
 B Elaun
 C Komisen
 D Bayaran pindahan

- 10 Apakah akibat perbelanjaan yang tidak dirancang ?

- I Perbelanjaan melebihi pendapatan
 II Mengutamakan perbelanjaan penting
 III Menggalakkan berhutang
 IV Memaksimumkan kepuasan
- A I dan II
 B I dan III
 C II dan III
 D II dan IV

- 11 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang kehendak manusia?

- A Perlu untuk terus hidup
 B Sama bagi setiap individu
 C Tidak semestinya dipenuhi
 D Harga barang dikawal oleh kerajaan


- 12 Antara yang berikut, manakah yang merupakan pelaburan dalam ekonomi?

- A Membeli polisi insurans di Takaful Nasional
 B Membeli saham di pasaran saham
 C Membeli mesin dan gudang
 D Membeli bon kerajaan

- 13 Mengapakah isi rumah dianggap sebagai pengguna rasional?


- A Memilih barang mengikut cita rasa
 B Memilih barang mengikut kuasa beli
 C Memilih barang yang harganya murah
 D Memilih barang yang memberi utiliti maksimum

- 14 Rajah 1 menunjukkan pergerakan dari titik L ke titik M



Mengapakah berlakunya pergerakan titik L ke M?


- A Kenaikan harga barang itu
 B Kejatuhan pada harga barang itu
 C Kenaikan pada harga barang pengganti
 D Kejatuhan pada harga barang pengganti
- 15 Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan.



Mengapa keluk permintaan bercerun negatif?

- I pengguna boros berbelanja
 II pendapatan benar telah merosot
 III pengguna berusaha meningkatkan kepuasan
 IV pengguna membeli barang pengganti yang murah
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 16 Rajah 3 menunjukkan keluk permintaan barang T.



Tafsirkan nilai pekali keanjalan harga permintaan bagi barang T

- A Apabila harga jatuh 1% menyebabkan kuantiti permintaan jatuh sebanyak 0.4%
 B Apabila harga jatuh 1% menyebabkan kuantiti permintaan meningkat sebanyak 0.4%
 C Apabila kuantiti permintaan meningkat sebanyak 0.4% menyebabkan harga jatuh 1%
 D Apabila kuantiti permintaan jatuh sebanyak 0.4% menyebabkan harga jatuh 1%
- 17 Pernyataan manakah yang menerangkan pengeluaran?
- A Proses menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan
 B Input berubah dan input tetap digabungkan untuk mengeluarkan barang dan perkhidmatan
 C Penggabungan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang siap atau perkhidmatan
 D Proses pengeluaran pertukaran rupa bentuk bahan mentah untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan

18 Maklumat berikut berkaitan dengan rumus kos marginal

$$\text{Kos Marginal} = \frac{\text{Perubahan X} + \text{Y}}{\text{Perubahan Output}}$$

Apakah X dan Y?

	X	Y
A	Kos berubah	Kos tetap
B	Input berubah	Input tetap
C	Kos sut	Jumlah kos
D	Kos tetap	Kos sut

19 Jadual 2 menunjukkan jumlah keluaran dan kos purata sebuah firma.


Keluaran (Unit)	Kos Purata (RM)
10	26.00
12	24.00

Jadual 2

Hitungkan kos sut pada keluaran unit yang ke-12.

- A RM12
- B RM14
- C RM16
- D RM18

20 Rajah 4 menunjukkan keluk penawaran terhadap barang P oleh sebuah firma.



Rajah 4

Keluaran barang P berkurang dari Q₂ ke Q₁ kerana

- A perubahan agihan pendapatan
- B penurunan harga barang P daripada P₂ ke P₁
- C citarasa pengguna bertambah terhadap barang P
- D bilangan pengeluar berkurang di pasaran barang P

21 Maklumat berikut berkaitan dengan Syarikat Pewira Sendirian Berhad

Ketika ekonomi mengalami peningkatan Syarikat Pewira Sendirian Berhad meningkatkan penawaran Barang P sebanyak 20% dan Barang Q sebanyak 10%

Berapakah nilai keanjalan harga penawaran bagi kedua-dua produk tersebut jika harga berubah 5%?

	Barang P	Barang Q
A	1	2
B	2	2
C	3	2
D	4	2

22 Jadual 3 menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran buruh pada pelbagai tingkat upah.

Buruh (orang)	Tingkat Upah (RM sehari)		
	35	40	45
Penawaran	100	150	200
Permintaan	150	100	80

Jadual 3

Apakah keadaan yang wujud dalam pasaran buruh jika tingkat upah ialah RM40 sehari?

- A Lebih penawaran, upah akan turun
- B Lebih permintaan, upah akan turun
- C Lebih penawaran, upah akan naik
- D Lebih permintaan, upah akan naik

23 Permintaan pasaran merujuk kepada

- A kuantiti barang yang diminta oleh pengguna dalam pasaran
- B kuantiti barang yang diminta oleh individu pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
- C kuantiti barang yang diminta oleh semua individu dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu
- D kuantiti barang yang dikeluarkan oleh semua firma dalam pasaran pada pelbagai tingkat harga dalam tempoh masa tertentu

24 Jadual 4 menunjukkan permintaan dan penawaran pasaran buah kelapa.


Harga sebiji (RM)	Permintaan (ribu biji)	Penawaran (ribu biji)
0.50	8	4
0.80	6	6
1.00	4	8
1.50	2	10

Jadual 4

Apakah yang akan berlaku jika harga kelapa ditetapkan pada RM1.00 sebiji?

- I Berlaku lebih penawaran
 - II Harga kelapa akan jatuh
 - III Berlaku lebih permintaan
 - IV Harga kelapa akan naik
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

25 Rajah 5 menunjukkan aliran fizikal ekonomi dua sektor.



Rajah 5

Manakah yang benar tentang pasaran X dan pasaran Y.

	Pasaran X	Pasaran Y
I	Menentukan harga barang	Menentukan upah buruh
II	Menentukan upah buruh	Menentukan harga barang
III	Merupakan pasaran faktor	Merupakan pasaran barang
IV	Merupakan pasaran barang	Merupakan pasaran faktor

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Gambar 2 menunjukkan fungsi wang dalam ekonomi.



Gambar 2

Gambar di atas menunjukkan fungsi wang sebagai

- A Alat ukuran nilai dan bayaran tertunda
- B Alat bayaran tertunda dan alat simpanan nilai
- C Alat perantaraan pertukaran dan alat ukuran nilai
- D Alat simpanan nilai dan alat perantaraan pertukaran

- 27 Antara yang berikut, yang manakah menunjukkan perbezaan antara bank pusat dengan bank perdagangan?

	Bank Pusat	Bank Perdagangan
A	Menyediakan pinjaman kepada orang ramai	Menyediakan pinjaman bersindiket kepada firma
B	Memberikan khidmat nasihat kepada kerajaan	Memberikan khidmat nasihat pelaburan kepada syarikat korporat
C	Menguruskan akaun kerajaan	Menguruskan akaun tabungan, tabungan tetap dan tabungan semasa
D	Menerima deposit daripada firma	Menerima deposit daripada orang ramai

- 28 Antara yang berikut, yang manakah benar tentang deposit semasa bank perdagangan?

- I Pengeluaran wang melalui penggunaan cek
- II Deposit semasa merupakan wang sah
- III Pendeposit akan dibayar kadar faedah atas simpanan
- IV Pendeposit menikmati kemudahan overdraf

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 29 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri sebuah institusi kewangan.

X
<ul style="list-style-type: none"> • Menerima deposit daripada umat Islam • Membuat pelaburan • Membayar zakat • Memberikan pinjaman

X dalam rajah di atas merujuk kepada

- A Syarikat insurans
- B Syarikat Takaful Malaysia Berhad
- C Lembaga Tabung Haji
- D Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

- 30 Antara yang berikut, yang manakah hasil cukai tidak langsung?

- I Cukai pintu
- II Cukai perkhidmatan
- III Cukai perjudian
- IV Cukai pendapatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis cukai.

Cukai yang dikenakan ke atas barang-barang keluaran tempatan yang dijual di negara ini

Apakah jenis cukai di atas?

- A Cukai jualan
- B Cukai eksais
- C Cukai perkhidmatan
- D Cukai pendapatan petroleum

- 32 Ketidakstabilan harga komoditi sektor utama seperti getah dan bijih timah menyebabkan kerajaan tidak terlalu bergantung kepada sektor ini.

Antara yang berikut, yang manakah akan mempengaruhi situasi di atas?

- I Peluang pekerjaan terjejas
- II Kehausan dan kepupusan sumber
- III Imbangan dagangan menjadi positif
- IV Peningkatan dalam pengeluaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 33 Bagaimanakah belanjawan negara mengawal kemelesetan ekonomi?

- A Mengurangkan import
- B Meningkatkan kadar cukai
- C Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- D Menjual surat jaminan kerajaan

34 Maklumat berikut berkaitan dengan perbelanjaan pembangunan.

Perbelanjaan pembangunan merupakan pelaburan kerajaan dalam projek-projek pembangunan ekonomi negara.

Antara yang berikut, yang manakah komponen perbelanjaan pembangunan?

- I Emolumen
 - II Bayaran khidmat hutang negara
 - III Pembelian kelengkapan pasukan tentera
 - IV Pembinaan makmal komputer
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

35 Antara yang berikut, yang manakah sebab-sebab wujudnya perdagangan antarabangsa?

- I Sumber semulajadi
 - II Iklim dan jenis tanah
 - III Mendapatkan keuntungan
 - IV Meningkatkan taraf hidup
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

36 Jadual 5 menunjukkan nilai eksport dan import bagi tahun 2009

Eksport dan import	Jumlah (RM juta)
Eksport minyak kelapa sawit	13 568
Eksport petroleum mentah	15 462
Import barang perantaraan	3 598
Import barang pelaburan	1 940

Jadual 5

Hitung imbalan dagangan

- A RM17 166
- B RM13 522
- C RM23 492
- D RM19 060


37 Maklumat berikut berkaitan dengan Imbalan Pembayaran sebuah negara.

$$\text{Imbalan Pembayaran} = \text{Akaun dagangan} + \text{Akaun perkhidmatan} + \text{akaun pendapatan} + \text{akaun pindahan semasa} + X$$

Apakah X dalam persamaan di atas?

- A Akaun semasa
- B Akaun modal
- C Akaun dagangan
- D Akaun penerimaan

38. Antara yang berikut yang manakah menunjukkan imbalan perkhidmatan positif



Soalan 39 hingga Soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 39 I Pada tingkat keluaran sifar, jumlah kos sama dengan kos berubah
II Jika keluaran meningkat, kos tetap akan meningkat
- 40 I Imbangan dagangan lebihan jika nilai eksport nampak melebihi nilai import nampak
II Imbangan dagangan kurangan jika nilai eksport nampak kurang daripada nilai import nampak

KERTAS SOALAN TAMAT